

07 FEB 2002

Ghani-MIC

KERUSI TAMBAHAN BAGI MIC DI JOHOR

JOHOR BAHRU, 7 Feb (Bernama) -- Barisan Nasional (BN) berkemungkinan besar memperuntukkan kerusi tambahan bagi ditandingi oleh MIC di Johor dalam pilihan raya umum akan datang.

Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman berkata walaupun tanggungjawab menentukan pembahagian kerusi terletak di tangan Perdana Menteri tetapi beliau percaya Datuk Seri Dr Mahathir akan mempertimbangkannya atas dasar perkongsian kuasa yang menjadi amalan BN.

"Besarnya kemungkinan kerusi Parlimen dan Dewan Undangan Negeri di Johor akan bertambah dan saya percaya pucuk pimpinan BN akan memperuntukkan kerusi bagi MIC," katanya pada jamuan mesra dengan masyarakat India di sini, malam tadi.

Abdul Ghani berkata beliau percaya Dr Mahathir akan mempertimbangkan kerusi tambahan bagi MIC kerana dalam BN sejak 10 kali pilihan raya umum lepas, parti-parti komponen berkongsi kuasa, berkongsi wawasan untuk negara dan juga berkongsi masa depan bersama secara bijaksana.

Beliau berkata BN di Johor dan juga Kerajaan Negeri menghargai sokongan dan kesetiaan masyarakat India selama ini khasnya melalui MIC Johor yang mempunyai kira-kira 60,000 anggota di 500 cawangan dalam 20 bahagian dengan jumlah pengundi hampir 50,000 orang.

"Saya percaya dan yakin bahawa sokongan masyarakat India adalah begitu kuat sekali sehinggakan saya boleh berkata bahawa sokongan mungkin sampai kepada paras 100 peratus terhadap kerajaan yang kita bentuk," katanya.

Abdul Ghani berkata dalam sesuatu kawasan pilihan raya, bagi BN semua undi walau sekecil mana pun tetap penting bagi menentukan kemenangan termasuklah daripada pengundi India yang merupakan minoriti di kebanyakan kawasan.

"Pengundi India adalah minoriti tetapi sokongan mereka amat bermakna bahkan sama pentingnya untuk kita memenangi kerusi pilihan raya... kita yakin dengan kesetiaan yang ditunjukkan oleh anggota serta pemimpin MIC dan masyarakat India terhadap kerajaan BN," tambahnya.

Beliau tidak menyebut berapa kerusi Parlimen atau DUN yang akan bertambah di Johor tetapi membayangkan beberapa kawasan Parlimen baru iaitu Parlimen Tebrau yang jumlah pengundinya sudah mencecah 100,000, Parlimen Pontian (hampir 80,000 orang), Parlimen Johor Baharu (dekat 90,000 orang) dan Parlimen Kota Tinggi (mencecah 80,000 orang)

Dengan pertambahan penduduk yang pesat dan jumlah pengundi yang ramai, wajarlah kerusi-kerusi baru diwujudkan.

Abdul Ghani juga mengumumkan bahawa Kerajaan Negeri memperuntukkan tambahan RM1 juta kepada sekolah-sekolah Tamil di Johor melalui MIC untuk menjalankan kerja-kerja pembangunan seperti yang dimohon oleh sekolah-sekolah itu.

"Dua minggu lepas Dr Mahathir menambah peruntukan bagi Johor sebanyak RM10 juta dan beliau tiada halangan jika saya menyalurkan RM1 juta itu untuk sekolah-sekolah Tamil," katanya, yang mahu peruntukkan itu diutamakan bagi keperluan yang mendesak seperti di sekolah Tamil Hulu Tiram.

Sebahagian peruntukan itu juga boleh digunakan oleh MIC untuk memenuhi permintaan kuil-kuil di negeri ini.

Beliau juga mengingatkan masyarakat India supaya turut mengambil peluang melanjutkan pelajaran yang disediakan oleh Yayasan Pelajaran Johor dan melibatkan diri secara aktif dalam pembangunan pesat yang dijangka berlaku di Johor dalam masa dua tiga tahun akan datang.

-- BERNAMA
MNY PR